

## 1020- KAEDAH FIQHIIYAH BERTAHAN SEBAGAI RUJUKAN BAGI PENYELESAIAN PERMASALAHAN KONTEMPORARI

**DR HAJAH NURZAKIAH HAJI RAMLEE**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
[nurzakiah.ramlee@unissa.edu.bn](mailto:nurzakiah.ramlee@unissa.edu.bn)

### ABSTRAK

*Permasalahan fiqh kontemporari sentiasa timbul selaras dengan peredaran masa dan perkembangan kehidupan sosial masyarakat seluruh dunia. Kebanyakan permasalahan fiqh kontemporari tersebut memerlukan penetapan dari segi hukum syarak. Penetapan hukum syarak secara umumnya kunci kepada penyelesaian permasalahan fiqh kontemporari yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti isu berkaitan dengan metode perubatan moden, memastikan praktik patuh Syariah dalam bidang kewangan dan perniagaan dan tidak ketinggalan isu peningkatan kos sara hidup di peringkat global yang membimbangkan semua lapisan masyarakat. Oleh itu, salah satu kaedah pengistinbatan hukum syarak yang boleh digunapakai dalam menyelesaikan permasalahan fiqh kontemporari adalah kaedah Fiqhiyyah seperti Sadd al-Zarai' dan Masyaqqah Tajlib al-Taysir yang bersifat menyeluruh dan fleksibel mengikut kesesuaian zaman dan kemashlahatan manusia sejagat. Kajian mendapati dengan pendekatan Kaedah Fiqhiyyah dapat bertahan sebagai rujukan dan membimbing pihak-pihak berkepentingan ke penyelesaian permasalahan fiqh kontemporari dari pelbagai aspek kehidupan. Kajian ini menggunakan metodologi kajian secara kualitatif deskriptif menggunakan teknik analisis dokumen. Melalui analisa dokumen, data yang diperolehi dari bahan bertulis akan diteliti, dihurai dan dianalisis. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal dan artikel*

**Kata kunci:** Kaedah Fiqhiyyah, rujukan, bertahan, kunci, permasalahan fiqh kontemporari.

### PENGENALAN

Sesuai dengan peredaran zaman dan perkembangan sosial masyarakat seluruh dunia dan dunia hari ini juga menyaksikan semakin bertambah maju teknologi, masyarakat akan sentiasa terdedah kepada isu kontemporari yang boleh dilihat sebagai permasalahan dan juga pembaikan. Sebagai orang Islam yang mempunyai latar belakang kemahiran ijtihad, adalah wajib menyelesaikan apa jua permasalahan bersifat kontemporari yang tidak pernah timbul ketika zaman ulama silam dan tidak ditemui jawapan hukum terhadap permasalahan tersebut dalam karya-karya fuqaha terdahulu. Ijtihad tersebut harus dilaksanakan dengan berlandaskan kepada syariat Islam melalui sumber perundangan hukum syarak yang telah ditetapkan. Sumber ijtihad bagi menyelesaikan apa jua permasalahan bersifat kontemporari adalah sama dengan sumber fiqh silam cuma pendekatannya berbeza berdasarkan perbezaan keadaan, situasi dan kondisi zaman dan tempat (Saadan Man: 20).

Untuk mengamalkan ijtihad harus menguasai ilmu Usul Fiqh bagi memahami keseluruhan konsep sumber fiqh silam supaya dapat diaplikasi pada masa kini. Sadd al-Zarai' antara kaedah utama daripada kaedah fiqhiyyah yang menekankan prinsip menutup ruang yang membawa

kepada kerosakan (al-Bugha 2011) amat sesuai menjadi sandaran kepada penyelesaian permasalahan bersifat kontemporari demi untuk menyekat atau menghalang semua sudut kemudaran kepada masyarakat khususnya dan negara amnya.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kerangka kajian Usul Fiqh tulen berbentuk kualitatif di mana data dikumpul melalui metod kepustakaan dengan menganalisis dokumen-dokumen ilmiah seperti artikel, buku-buku, laporan akhbar dan sumber-sumber rujukan umum yang signifikan untuk mencapai hasil yang deskriptif.

## **KAJIAN LEPAS**

Allah Subhanahu wa Ta‘aala berfirman di dalam surah al-Nisaa, ayat 59 yang tafsirnya:

“Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian” (surah al-Nisaa: ayat 59).

Ayat di atas menyeru kepada umat Islam amnya dan para mujtahid khususnya untuk merujuk kepada sumber hukum syarak yang ditetapkan iaitu al-Quran dan al-Sunnah pada ketika menyelesaikan permasalahan yang tidak terdapat hukum syarak dan yang tidak pernah berlaku pada masa silam. Menurut al-Zarqa, sebelum terbentuknya kaedah fiqhiyyah al-Kubra, kaedah fiqhiyyah yang digunapakai hanya bersumberkan daripada hadith Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam yang terpilih seperti لا ضرر ولا ضرار (Tidak Boleh Ada Bahaya dan Tidak Boleh Menyebabkan Bahaya) (al-Zarqa 2012). Boleh difahami daripada konsep hadith tersebut adalah larangan seorang muslim mengerjakan sesuatu yang membahayakan dirinya sendiri atau membahayakan saudaranya sesama Islam, baik berupa perkataan atau perbuatan.

Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam adalah sumber kedua selepas al-Quran yang merupakan sumber pertama hukum syarak. Kaedah fiqhiyyah al-Kubra iaitu الأمور بمقاصدها (setiap perkara berdasarkan kepada niatnya), الضرر يزال (Kemudaran dihilangkan), اليقين لا يزول بالشك (Keyakinan tidak akan hilang dengan syak), المشقة تجلب التيسير (Kesusahan membawa keringanan), العادة محكمة (Adat penentu hukum) kesemuanya bersumberkan daripada ayat al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, terbukti kaedah fiqhiyyah kekal menjadi mekasmisme rujukan bagi penyelesaian permasalahan kontemporari kerana sumber hukum syarak yang telah disyariatkan oleh Allah Subhanahu wa Ta‘aala berpaksikan menuju kepada kemaslahatan atau kebajikan umat-Nya dan mencegah kemudaran atau kerosakan.

Beberapa kajian lepas yang berkisar mengenai konsep menghilangkan kemudaran berdasarkan kepada kaedah fiqhiyyah membuktikan penerimaan kaedah fiqhiyyah sebagai elemen rujukan kepada penyelesaian isu-isu baru yang tidak pernah terjadi pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam sehingga zaman Tabi‘ Tabi‘in yang mana memerlukan kepada hukum syarak demi untuk memelihara kemaslahatan masyarakat masa kini.

Kajian Adawiah, Farhan dan Hamdi di dalam artikel bertajuk “Isu dan Cabaran ChatGPT Terhadap Pengajian Islam” (Adawiah *et. al.* 2023) mendapati kelemahan semasa menggunakan ChatGPT iaitu jawapan dalam hal ehwal fiqh Islam dan fiqh mualamat daripada aplikasi tersebut masih tidak kemas dan kerap kali mengulang jawapan umum serta menghurai di permukaan sahaja. Dapatan ini menyokong pandangan Dr Zulkifli dalam makalahnya bertajuk “Masa Depan Islam dan AI” menyatakan penggunaan ChatGPT dalam urusan mengeluarkan hukum syarak adalah tidak sesuai sekaligus menegaskan urusan mengeluarkan hukum syarak oleh para ulama yang berkemampuan untuk berijtihad tetap masih relevan walaupun ketika ini teknologi turut memainkan peranan di dalam memudahkan urusan harian. Ini membuktikan kekalnya keperluan seorang mufti dalam menjalankan tugas meneliti isu yang menghendaki hukum syarak kerana pastinya akan memikirkan kemaslahatan dan meneliti konsep fiqh seimbang antara masalah dan mafsadah berbanding dengan AI.

Konsep menghilangkan kemudaratan merupakan konsep yang diaplikasi dalam salah satu kaedah fiqhiyyah al-Kubra yang berasaskan dari hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Tidak Boleh Ada Bahaya dan Tidak Boleh Menyebabkan Bahaya”. Kaedah ini bermaksud wajib menghilangkan kemudaratan. Kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Basir & Erfan Asmaie mendapati bahawa kaedah tersebut telah diaplikasikan dalam penstrukturan semula pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam dengan tujuan menghilangkan kemudaratan pelanggan dan pihak institusi kewangan tersebut (Abdul Basir *et. al.* 2022) yang mana penstrukturan semula berkenaan dapat membantu pelanggan untuk menyusun semula aliran tunai mengikut keperluan dan keadaan wang semasa (MPS 2021). Kemudahan ini menjadi salah satu usaha membantu pelanggan yang terjejas disebabkan pandemik covid-19 dan pandemik covid-19 merupakan keadaan darurat. Usaha ini boleh diqiyyaskan dengan keadaan peningkatan kos sara hidup secara global yang dihadapi oleh masyarakat dunia masa kini sesuai dengan kaedah fiqh: *Al-Hājah tanzil manzilah al-darūrah ‘āmah kānat ‘aw khāṣah* (hajat atau keperluan juga seperti darurat sama ada secara umum atau khusus) (al-Zarqa 2012).

Antara kajian lepas yang membuktikan aplikasi konsep kemudaratan berpandukan kepada kaedah fiqhiyyah boleh didapati daripada artikel penulisan Mohd Hafiz Jamaludin, Norhidayah Pauzi dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar mengenai faktor pengaplikasian konsep Talfiq menurut ulama mu‘asirin. Secara dasarnya keperluan kepada konsep talfiq merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan dalam pelbagai keadaan terutama yang berkaitan dengan penyelesaian permasalahan semasa. Hasil dapatan temubual responden yang dilaksanakan oleh Mohd Hafiz *et. al.*, para responden berpandangan bahawa penggunaan konsep talfiq berdasarkan tuntutan dan keperluan semasa adalah harus (Mohd Hafiz *et. al.* 2022) berdasarkan kepada kaedah fiqh: *al-Darurat tubih al-Mahzurat* (Darurat membolehkan perkara-perkara yang membahayakan) dan *Al-Hājah tanzil manzilah al-darūrah ‘āmah kānat ‘aw khāṣah* (hajat atau keperluan juga seperti darurat sama ada secara umum atau khusus) (al-Zarqa 2012).

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kaedah berasal daripada bahasa Arab, *al-Qa'idah* yang bermaksud asas (Ibn Manzur t.t). Pelbagai definisi yang telah dikemukakan oleh para ulama Usul Fiqh mengenai kaedah fiqh dari segi istilah. Menurut al-Jarjaniyy, kaedah fiqhiyyah ialah dasar-dasar utama fiqh bersifat *kulliyah* (menyeluruh), dalam bentuk teks perlembagaan ringkas, mengandungi hukum-hakam perundangan umum dalam sesuatu isu yang termasuk dalam skop perbincangannya (al-Jarjaniyy 1999). Al-Nadawiyy pula berpendapat bahawa kaedah fiqhiyyah ialah hukum syarak dalam permasalahan *aghlabiyyah* (majoriti) yang digunakan untuk mengetahui hukum-hakam di bawahnya (al-Nadawiyy 1994). Dapat disimpulkan daripada kedua-dua definisi tersebut bahawa kaedah fiqh sebagai satu cetusan ringkas yang mengandungi makna yang umum serta merangkumi pelbagai permasalahan cabang fiqh.

Di samping secara umumnya kaedah fiqhiyyah bersifat menyeluruh dan diterima pakai dalam setiap cabang permasalahan fiqh, termasuk ibadat, perkahwinan, mualamat dan jinayat untuk mencari hukum syarak yang bersesuaian, kaedah fiqhiyyah juga diaplikasikan untuk konsep menghilangkan kemudaratan atau kerosakan akibat permasalahan yang baru timbul pada masa kini yang mendatangkan kemudaratan atau kerosakan kepada manusia sejabat.

### 1. Dari segi hal ehwal pengurusan kewangan

Islam melarang amalan seleweng dan monopoli barangan yang dikenali sebagai *al-Ihtikar*. Para ulama daripada mazhab yang muktabar tidak berbeza dalam mendefinisikan maksud monopoli barang (*al-Ihtikar*). Dapat disimpulkan daripada definisi tersebut *al-Ihtikar* ialah membeli barangan yang disenaraikan sebagai makanan asasi daripada pasaran. Barangan tersebut dihimpun dan disorok dengan tujuan menaikkan harganya berlipat kali ganda dan dijual sedikit demi sedikit dengan mengeksploitasi keperluan orang ramai, negara dan haiwan (Dr Fath al-Duraini 1981). Islam menegah perbuatan memonopoli barangan kerana perbuatan seperti ini adalah haram berpandukan hadith Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam yang bermaksud:

“Monopoli hanya dilakukan oleh orang yang bersalah” (Sahih Muslim).

Konsep monopoli barangan terutama sekali pada ketika terjadinya keadaan darurat dan mendesak seperti penularan wabak dan kemerosotan penghasilan bekalan akan mendatangkan kesusahan kepada masyarakat amnya dan golongan berpendapatan rendah dan sederhana khususnya. Julizah Sabstu berpendapat bahawa kenaikan harga barangan secara berlipat ganda membebaskan golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk menampung keperluan asas yang ditanggung bagi menampung kenaikan harga kos barangan, perkhidmatan dan juga keperluan harian bahkan kemungkinan besar akan meningkatkan lagi kadar jenayah dalam masyarakat (Julizah Sabstu 2014). Bebanan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana tersebut dan peningkatan kadar jenayah dalam masyarakat merupakan kemudaratan yang wajib dihilangkan bertepatan dengan kaedah fiqh: الضرر يزال (Kemudaratan dihilangkan) (al-Zarqa 2012).

Kaedah fiqh: الضرر يزال (Kemudaratan dihilangkan) juga boleh diaplikasi pada produk pembiayaan kenderaan berkonsepkan *al-Ijarah Thumma al-Bay'* (AITAB). AITAB ialah konsep Islamik yang digunapakai secara meluas oleh institusi kewangan Islam hampir di seluruh dunia termasuk Bank Islam Brunei Darussalam, Brunei Darussalam (BIBD) (Ahmad Muqorobin & Cecep 2022) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) (Usoff *et al.* 2015), terutama yang berkaitan dengan produk pembiayaan kenderaan. Menurut Razli *et.al*, AITAB beroperasi dengan pemindahan hakmilik aset berlaku dengan cara lebih khusus iaitu hanya melalui penjualan kepada penyewa di akhir kontrak sewaan. Pembayaran ansuran terakhir oleh pelanggan dalam kontrak sewaan bagi pembiayaan AITAB adalah merupakan harga jualan bagi pemilikan ke atas aset tersebut (Razli Ramli *et.al.* 2007) (Aznan Hasan 2011). Kajian yang dilaksanakan oleh Muslim dan Zaidi (Muslim dan Zaidi 2008) mendapati bahawa majoriti pelanggan bank Islam yang menawarkan produk pembiayaan AITAB amat berpuas hati dengan kualiti pengurusan produk pembiayaan AITAB yang disediakan oleh bank Islam yang mereka langgani. Merujuk kepada operasi AITAB yang diterangkan, pelanggan tidak akan merasa terbeban dengan pembayaran produk secara tunai dan segera malahan pelanggan akan merasa ringan kerana pembayaran dibuat secara ansuran dan pada tempoh yang panjang.

Oleh itu, dengan konsep pembiayaan secara ansuran terhadap produk tertentu seperti kenderaan amat sesuai dilanggan lebih-lebih pada ketika keadaan kewangan tidak membolehkan seseorang menampung pembelian kenderaan secara tunai. Konsep pembiayaan secara ansuran ini sesuai dengan kaedah fiqh الضرر يزال (Kemudaratan dihilangkan).

Serupa dengan produk pembiayaan secara ansuran berlandaskan syarak yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam, konsep pembiayaan secara ansuran juga ditawarkan oleh syarikat perniagaan masa kini yang dikenali sebagai Rent-to-Own. Penawaran pemilikan suatu produk melalui pelan sewa bulanan serendah kurang daripada 10% daripada harga barangan untuk memiliki (1DreamGroup Brunei). Pelan perniagaan sebegini memberi peluang kepada individu untuk memiliki suatu produk dengan pembayaran secara ansuran kepada pembekal produk.

Untuk memastikan pengurusan kewangan umat Islam teratur dan tidak membebankan, Islam tidak menggalakkan berhutang dengan kadar yang tinggi lebih lagi untuk mendapatkan barangan yang tidak perlu. Berhutang dengan kadar yang tinggi dilihat sebagai membebankan dan merugikan penghutang. Membebankan adalah sifat yang mendatangkan kemudaratan dan merupakan kemudaratan yang wajib dihilangkan bertepatan dengan kaedah fiqh: لا ضرر ولا ضرار (Tidak Boleh Ada Bahaya dan Tidak Boleh Menyebabkan Bahaya) (al-Zarqa 2012).

Berdasarkan kenyataan di atas, Islam tidak menegah untuk berhutang sebagaimana firman Allah Subhanhu wa Ta'aala di dalam surah al-Baqarah: ayat 282 yang tafsirnya:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermu'amalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar”.

Berhutang atau melaksanakan pinjaman peribadi dalam tempoh tertentu dengan persetujuan kedua belah pihak pelanggan dan institusi kewangan di mana-mana institusi kewangan berdaftar

antara kaedah alternatif untuk menampung keperluan barangan yang bernilai tinggi kerana ketidacukupan pendapatan bulanan bagi menampung kenaikan harga kos barangan, perkhidmatan dan juga keperluan harian. Majoriti institusi kewangan Islam menawarkan khidmat penstrukturan semula aliran pembiayaan dari segi pemanjangan tempoh pembayaran mengikut terma dan syarat tertentu sesuai kaedah fiqh: الضرر يزال (Kemudaratan dihilangkan).

Tegahan Islam mengenai monopoli barangan menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan kemasalahatan umatnya dengan menjaga harta (al-Ghazali 1983). Manakala inisiatif yang dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam seperti menawarkan produk pembiayaan persendirian dan pembayaran dibuat secara ansuran, penstrukturan semula aliran kewangan seperti pinjaman peribadi jelas menunjukkan para pakar bidang kewangan Islam telah menjalankan penyelidikan secara teliti sesuai dengan menjaga kemasalahatan harta sepertimana yang disyariatkan di dalam Islam.

## 2. Dari segi hal ehwal sains perubatan

Sesuai dengan perkembangan teknologi yang moden, bidang perubatan juga mengikuti arus kemodenan teknologi dan seringkali membangkitkan persoalan hukum syarak. Institusi fatwa tidak mengira negara Islam atau negara bukan Islam dengan penduduk Islam minoriti menjadi rujukan masyarakat bagi penelitian isu berkaitan dengan bidang perubatan moden yang memerlukan hukum syarak sama ada diharuskan atau sebaliknya.

Antara contoh ialah isu pengklonan bagi tujuan terapeutik dan juga penyelidikan sel stem bagi tujuan rawatan penyakit. Saadan Man (Saadan Man: 26) memetik keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MKI) bahawa pengklonan terapeutik untuk tujuan rawatan perubatan seperti menggantikan organ yang telah rosak dengan mengambil kira syarat-syarat yang dibenarkan oleh syarak adalah diharuskan (Jakim, 2015). Penggantian organ yang rosak yang berkongsi persamaan konsep dengan pemindahan organ yang diikhtiarkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'aala kepada manusia sebagai suatu kemudahan bagi mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh pesakit-pesakit kegagalan organ peringkat akhir. Bertepatan dengan firman Allah Subhanahu wa Ta'aala di dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang tafsirnya:

“...Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran...”.

Ayat yang tersebut di atas merupakan rukhsah atau kelonggaran yang diberikan Allah Subhanahu wa Ta'aala kepada umat-Nya pada ketika menghadapi apa jua kesukaran dan kesukaran tersebut wajib dihilangkan. Islam amat mementingkan kesejahteraan umatnya. Dalam konteks pemindahan organ, pesakit yang menghidap kegagalan organ peringkat akhir berhadapan dengan kematian. Pemindahan organ menjadi satu pilihan yang diberi kelonggaran dari segi syarak sebagai ikhtiar bagi menyelamatkan nyawa pesakit tersebut. Amalan ini bersesuaian dengan kaedah fiqh: المشقة تجلب التيسير (kesukaran membawa kemudahan).

Muzakarah Jawatankuasa yang sama juga memutuskan menggunakan embrio yang disimpan beku atau lebih embrio dari proses persenyawaan di luar rahim (IVF) untuk tujuan

penyelidikan dengan syarat mendapat persetujuan pasangan suami isteri yang menerima rawatan dan kajian tersebut dilakukan sebelum mencapai tahap 'alaqah (blastocyst) adalah harus. Syarat yang dikenakan untuk penyelidikan tersebut iaitu mendapat persetujuan pasangan suami isteri yang menerima rawatan sebagai langkah keselamatan sekaligus menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang terlibat di dalam penyelidikan tersebut. Pihak penyelidik wajib mendapatkan persetujuan suami isteri yang menerima rawatan kerana bahan penyelidikan iaitu lebihan embrio adalah hak milik mutlak kedua suami isteri tersebut dan Islam tidak melarang wujudnya pemilikan secara persendirian (Hussain 1995) dan pemilikan secara persendirian hanya boleh dimanfaatkan dengan cara yang dilandasi oleh syarak oleh pemiliknya sahaja sesuai dengan ayat al-Quran dari surah al-Nisa ayat 29 yang tafsirnya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-sama di antara kamu”.

Pihak penyelidik pula menepati landasan syarak pada ketika melaksanakan penyelidikan ke atas sampel yang telah diberikan keizinan oleh pemilik sepertimana dalam kes penyelidikan lebihan embrio tersebut di atas sesuai dengan kaedah fiqh: لا يجوز لأحد أن يتصرف في ملك الغير بلا إذنه (Tidak dibolehkan orang lain mempergunakan hak milik orang lain tanpa izin pemilik).

Penyelidikan yang dijalankan dalam hal ehwal isu sains perubatan ini jelas menunjukkan bahawa para ulama sentiasa merujuk kepada pandangan pakar dalam bidang mereka yang telah menjalankan penyelidikan secara menyeluruh dan terperinci demi untuk memenuhi keperluan semasa masyarakat umumnya dan memelihara salah satu maqasid Syariah iaitu menjaga nyawa.

Bersesuaian dengan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala di dalam surah al-Nahl ayat 43 yang tafsirnya:

“maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahuinya”.

### 3. Hal ehwal penentuan makanan halal

Makanan halal berkonsepkan kepada sesuatu yang bebas daripada bahan yang dilarang dalam Islam daripada memakannya. Pada dasarnya kebanyakan makanan adalah halal kecuali beberapa makanan yang disentuh secara khusus keharamannya di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Mohd Farhan *et. al.* 2016). Antara bahan yang dilarang penggunaannya di dalam produk seperti makanan, minuman dan beberapa produk lain ialah campuran alkohol yang menyebabkan kemabukan (Saadan Man: 24).

Kajian Mohd Farhan *et. al.* menunjukkan bahawa kaedah fiqhyyah sebagai mekanisme penyelesaian penentuan makanan halal untuk dimakan atau sebaliknya. Antara contoh penentuan makanan halal untuk dimakan sepertimana yang disebutkan di dalam kajian Mohd Farhan *et. al.* adalah bijian atau gandum yang terkena tahi dan kencing kerbau tidak dianggap najis. Kerbau digunakan untuk membajak, tunggangan, pengangkutan hasil pertanian dan sebagainya. Oleh itu amat sukar untuk mengelakkan hasil pertanian daripada terkena tahi dan kencing kerbau tersebut.

Kesukaran untuk mengelak hal tersebut berlaku adalah amat sukar, maka hasil pertanian yang terkena tahi atau kencing kerbau tidak dianggap najis dan halal untuk dimakan (Mohd Farhan *et. al.* 2016). Kesukaran yang tidak dapat dielakkan tersebut berlaku secara meluas (secara adatnya) (al-Zarqa 2012). Mekanisme penyelesaian penentuan makanan halal seperti contoh di atas sesuai dengan kaedah fiqh: العادة محكمة (Adat adalah penentu hukum).

### **SARANAN KEPADA PIHAK KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) MENGAPLIKASI KAEDAH FIQHIYYAH SEBAGAI RUJUKAN BAGI PENYELESAIAN KEPADA PERMASALAHAN SEMASA**

Pihak Kerajaan dan badan bukan Kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam menghulurkan bantuan kepada pelbagai golongan masyarakat yang menghadapi masalah; contoh golongan yang berpendapatan rendah atau sederhana yang mana mereka ini memerlukan sokongan pihak kerajaan atau badan bukan kerajaan selain daripada kalangan keluarga. Berikut disenaraikan antara kaedah fiqhiyyah yang relevan sebagai rujukan pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO):

Imam al-Ghazali telah menggariskan bahawa suatu kemaslahatan harus selaras dengan tujuan syarak (al-Ghazali 1983) dan kepentingan maslahat terbahagi kepada tiga jenis iaitu Daruriyyat, Hajiyyat dan Tahsiniyyat. Dalam konteks Siyasa Syar'iyah, seorang ketua wajib menitikberatkan kemaslahatan para rakyat dalam setiap urusan negara sesuai dengan kaedah fiqh: تصرف الأمام منوط بالمصلحة (Tindakan dan keputusan pemerintah ke atas rakyat bergantung kepada kemaslahatan umum). Antara penyelesaian kepada permasalahan semasa untuk pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) dengan merujuk kepada kaedah fiqh yang sesuai:

1. Membasmi kemiskinan bandar. Kajian Lee Kok Chai *et. al.* mendapati golongan berpendapatan rendah di bandar berpeluang menikmati kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, hospital, elektrik, air dan pekerjaan berbanding golongan yang berada di luar bandar di mana akses kepada kemudahan tersebut adalah terhad dan jauh. Oleh yang demikian, golongan berpendapatan rendah di bandar menghadapi bebanan perbelanjaan yang tinggi ekoran faktor pendapatan yang terhad dan perbelanjaan yang lebih tinggi (Lee Kok Chai *et. al.* 2010). Menurut Rawlins W.E. kos sara hidup yang tinggi menyebabkan golongan berpendapatan rendah di bandar perlu bekerja lebih untuk menambah pendapatan (Rawlins W.E. *et. al.* 2009). Budaya bekerja lebih masa boleh mendatangkan kesan negatif seperti keletihan mental dan fizikal, gangguan emosi, penurunan produktiviti dan terdedah kepada *burnout*. Kesemua kemudahan yang disebutkan merupakan kemudahan yang wajib dihilangkan bertepatan dengan kaedah fiqh: لا ضرر ولا ضرار (Tidak Boleh Ada Bahaya dan Tidak Boleh Menyebabkan Bahaya) (al-Zarqa 2012).
2. Ketua negara memainkan peranan penting di dalam pengurusan hal ehwal kebajikan rakyat. Bertanggungjawab memastikan taraf hidup masyarakat tanpa mengira kelompok sentiasa pada tahap yang baik (Julizah Sabtu 2014). Tanggungjawab tersebut termasuk menyelaras dengan baik dan teratur kemaslahatan masyarakat dari sudut sosial termasuk



kos sara hidup yang seimbang dan pengagihan kekayaan negara yang adil, prasarana seperti menyediakan infrastruktur yang kondusif, dari segi hal ehwal penjagaan kesihatan seperti menyediakan bukan sahaja bekalan perubatan yang mencukupi, juga fasiliti perubatan yang terkini dan canggih dan lain-lain (Asmak Ab Rahman 2015), memastikan standard bantuan makanan oleh gelandangan adalah halal dimakan sesuai dengan kaedah fiqh: الضرورة تقدر بقدرها (Darurat Diukur Sesuai dengan Kadarnya) (Muhammad Ammar *et al.* 2018).

3. Menyediakan peluang pekerjaan yang mempunyai prospek yang lebih luas sesuai dengan kaedah fiqh: الضرر يزال (Kemudaratan dihilangkan). Kajian Julizah Sabstu menunjukkan apabila masyarakat mempunyai pekerjaan untuk menampung keperluan hidup harian. Oleh itu, akan menghilangkan kemudaratan seperti kebuluran, ketidakcukupan menampung taraf hidup yang tinggi, terjadinya jenayah seperti curi, rompak dan lain-lain (Julizah Sabstu 2014).
4. Melestari kepentingan pertanian sebagai sumber ekonomi rakyat. Pertanian bukan sahaja memainkan peranan menyumbang kepada pembangunan ekonomi bahkan dengan menghasilkan produk pertanian yang lumayan, sedikit sebanyak tidak terkesan dengan keadaan kos sara hidup yang tinggi sesuai kaedah fiqh: الضرر يزال (Kemudaratan dihilangkan). Kajian Julizah Sabstu mendapati keadaan kos sara hidup yang tinggi sangat membebankan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana kerana ketidakcukupan pendapatan bulanan untuk menampung kos sara hidup harian tambahan lagi kos sara hidup yang tinggi sepertimana yang terjadi masa kini. Keadaan membebankan ini merupakan kemudaratan dan kemudaratan wajib dihilangkan.
5. Kaedah fiqhiyyah juga boleh menjadi mekanisme rujukan di dalam menyelesaikan permasalahan kontemporari di dalam konteks Siyasah Syar'iyah. Siyasah Syar'iyah merujuk kepada menjalankan pentadbiran awam sebuah negara Islam berdasarkan sesuatu yang menjamin kebaikan dan mengelakkan kerosakan berdasarkan kepada syariat Islam dan dasar umum (al-Khallaf 1988). Dasar pemerintahan Islam merangkumi segala tindakan kerajaan dalam membentuk dasar, peraturan dan polisi negara dan lain-lain.

Memetik pernyataan Ibn 'Abidin di dalam artikel penulisan Dr Saadan Man (Saadan man: 6) menyebut bahawa majoriti hukum berbeza dan berubah kerana faktor perubahan masa dan perubahan 'urf anggota masyarakat tempatan. Ia turut berubah kerana faktor darurat dan faktor kerosakan masyarakat pada zaman para mujtahid yang melakukan ijtihad (*fasad ahl al-zaman*). Oleh itu, sebagai ketua negara melalui para ulama yang pakar di dalam bidang masing-masing harus mengaplikasi kaedah fiqh semasa demi untuk sentiasa memelihara kemaslahatan masyarakat seperti meneliti semula secara berkala dasar dan perundangan negara dari segi pengagihan kewangan negara, pengawalan kadar jenayah bersesuaian dengan kaedah fiqh: لا يترك تغير الحكم بتغير الأزمان (Tidak Diingakri Perubahan Hukum Dengan Perubahan Zaman) (al-Zarqa 2012).

## KESIMPULAN

Sesuai dengan definisi kaedah fiqhiyyah dari segi istilah yang mengandungi makna yang umum serta merangkumi pelbagai permasalahan cabang fiqh, kaedah fiqhiyyah menjadi mekanisme rujukan penyelesaian kepada permasalahan semasa dalam pelbagai bidang syariah; ibadat, muamalat, kekeluargaan dan jenayah dan juga kenegaraan. Para ulama yang melaksanakan ijtihad mengikut bidang pakar masing-masing telah menjalankan penyelidikan secara menyeluruh dan terperinci demi untuk memenuhi keperluan semasa masyarakat umumnya dan memelihara maqasid Syariah iaitu menjaga ugama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Para ulama baik ulama masa silam mahupun masa kini telah menjalankan kewajipan Islam untuk mencapai pahala fardu kifayah.

## RUJUKAN

- Ahmad Muqorobin, Cecep Soleh Kurniawan. (2022). Installment Sale: Its Contemporary Application in Islamic Banking Finance (Case Study Brunei Darussalam). Malaysian Journal of Syariah and Law. Malaysia: Universiti Sains Islam Malaysia. Vol. 10 No 1 pp 7.
- Adawiah Hosni, Mohd Farhan Md Ariffin & Hamdi Ishak. (2023) Isu dan Cabaran ChatGPT Terhadap Pengajian Islam. Al-Turath: Journal of Al-Quran and Al-Sunnah. Malaysia: UKM. Vol.8 Issue 1. pp. i – xvii.
- Asmak Ab Rahman. (2015). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. Jurnal Syariah Jil. 17 Bil. 1. pp 122.
- Abdul Basir Mohamad, Erfan Asmaie Khairul Anam, Mohammad Zaini Yahaya. (2022). Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam. Journal of Contemporary Islamic Law. Vol 7(1). pp 14-25.
- Aznan Hasan. (2011). Fundamental of Shari'ah in Islamic Finance. Kuala Lumpur: IBFIM. pp 460-461, 463.
- Al-Bugha, Mustafa Dib. (2011). Athar al-Adillah al-Mukhtalaf Fiha fi al-Fiqh al-Islami. Damsyik: Bar al-Mustafa. pp 573.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1983). Al-Mustasfa fi 'Ilmi al-Usul. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah. Jilid 1. pp 286.
- Hussain Hamid Hassan. (1995). Private Ownership in Islam. Islamabad: Da'wah Academy. pp. 19-20.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Al-Jarjaniyy, Aliyy ibn Muhammad ibn Aliyy. (1999) Al-Ta'rifat. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. pp 171.
- Julizah Sabstu. (2014). Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat. DIMENSIKOOP. Malaysia: Institusi Koperasi Malaysia. pp 17.
- Khallaf, Abdul Wahhab. (1988). *Siyasat Syar'iyah fi Syu'un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*. Kuwait: Dar al-Qalam. pp. 20

- Lee Kok Chai & Wan Rozali, 'Kualiti Hidup Sosial dan Isu-Isu Perumahan: Kajian Kes di Pulau Pinang', dalam Isu-Isu Semasa Alam Sekitar Manusia di Malaysia, ed. Yazid Saleh, Fauziah Che Leh & Mazdi Marzuki, (2010). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. pp 12.
- Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Keuntungan Berkompauun Bagi Pembiayaan Penstrukturan dan Penjadualan Semula (R&R) Secara Islam. 2021.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram bin Ali. (t.t). Lisan al-Arab. Beirut: Dar Sadir. Jilid 5. pp 291.
- Mohd Usoff Zakaria, Ab Mumin Ab Ghani. (2015). Pembiayaan Kenderaan Berkonsepkan Al-Ijara Thumma Al-Bay' (AITAB) di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Isu-Isu Berkaitan. Jurnal Syariah, Jil. 23 Bil. 3. pp 435.
- Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli. (2018). Aplikasi Kaedah Fiqh "Al-Darurah Tuqaddaru bi Qadariha" Terhadap Pengambilan Bantuan Makanan oleh Gelandangan. Journal of Fatwa Management and Research. SeFPIA SPECIAL EDITION. pp 1.
- Muhammad Fathi al-Duraini. (1981). Al-Fiqh al-Islami al-Muqaran. Damsyik: Mansyurat Jamiah Damsyik. pp 90.
- Muslim, A., Zaidi, I & Rodrigue, F. (2011). 'The Role of Customer Satisfaction in Enhancing Customer Loyalty in Malaysian Islamic Banks', The Service Industries Journal. Vol 31 No. 9 pp 1519-1532
- Al-Nadawiy, Ali Ahmad. (1994). Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah Mafhumuha wa Nasyatuha wa Tatawwuruha wa Dirasat Mu'allifatuha Adillatuha Muhimmatuha Tatbiquha. Damsyik: Dar al-Qalam. pp 43.
- Rawlins W.E. & Dzurizah Ibrahim, (2009). Squatters at the Gateway of Urban Malaysia, in Sustainable Urban Development Issues in Malaysia, ed. Nurhaslina H. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. pp 32.
- Razli Ramli dan Hasleenda Onn. (2007). Islamic Hire-Purchase: *Ijarah Thumma al-Bai'* (AITAB). Kuala Lumpur: IBFIM. pp 1.
- Saadman Man. (t.t). Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya. Artikel. Malaysia: Jabatan Agama Islam Selangor. pp 20.
- Al-Zarqa. Ahmad bin al-Syeikh Muhammad al-Zarqa. (2012). Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Damsyik: Dar al-Qalam. pp 209, 219, 229.
- 1DreamGroup  
<https://www.facebook.com/105161918414340/posts/choose-your-samsung-rent-to-own-plan-with-us-for-as-low-as-bnd69-per-month-only-/192552936341904/>